

# Pelajar galas tanggungjawab sebagai pewaris negara - Dr Suzillah

137 25.10.2019 7

LABUAN: Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Dr Suzillah Sidek berkata, pelajar hari ini menggalas tanggungjawab sebagai pewaris negara yang berilmu dan berakhlak.

Beliau berkata, dunia pendidikan yang semakin mencabar dengan kemajuan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam pembangunan negara memerlukan pengganti yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang terpuji.

“Justeru itu pelajar yang ada hari ini di bimbing dan dididik supaya menjadi modal insan yang berilmu dan mempunyai akhlak serta sahsiah yang terpuji” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Graduasi Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan yang diadakan di hotel Palm Beach Resort dan Spa, Manikar di sini, pada Ahad.

Majlis yang bertemakan “Selangkah Ke Manara Gading” turut dihadiri Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah, Yang DiPertua PIBG SMK Labuan, Haji Yusof Haji Chuchu, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPW-

PL), Sahbudin Ag Muhamad dan Penolong Kanan Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan, Saminan Sabtu.

Menurut Suzillah, majlis graduasi adalah satu titik permulaan kepada sebuah perjalanan yang bakal diterokai oleh para pelajar di Tingkatan Enam.

Selain itu katanya, ia juga sebagai perangsang dan motivasi kepada pelajar untuk berusaha lebih gigih dalam meningkatkan prestasi masing-masing.

Majlis yang penuh istiadat mirip konvokesyen itu di hadiri seramai 136 pelajar Tingkatan Enam Atas, 60 warga ibu bapa dan 38 pensyarah Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan.

Pada majlis itu, Anugerah Kokurikulum Terbaik Lelaki diberikan kepada Mohamad Azuan Izack manakala Anugerah Kokurikulum Terbaik Perempuan disandang Nur Nabilla Hartono.

Irhah Zuhilmi Mohd Johan pula meraih Anugerah Khas Kepimpinan manakala Anugerah Khas Terbaik Aliran Sains (Amy Siah Hui Bee).

Anugerah Khas Terbaik Aliran Kemanusiaan diberikan kepada Sharifah Nur Halimatul Sa'adiyah Wan Muslim.

Beliau turut dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Terbaik Keseluruhan 2019.- OLEH JAINUDIN DJIMIN



TERBAIK.... Dr Suzillah menyampaikan Anugerah Khas Terbaik Keseluruhan kepada Sharifah Nur Halimatul sambil diperhatikan Ismail (dua kiri).



ANUGERAH.... Semua penerima anugerah bersama Dr Suzillah (tengah), Ismail (empat kiri), Yusof (tiga kanan), Sahbudin (empat kanan) dan Saminan (tiga kiri).